

Hubungan Melayu – Siam Naratif Bahasa Dan Sejarah

Asmah Haji Omar

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

ABSTRAK

Dalam zaman silam Semenanjung Tanah Melayu bermaksud kawasan tanah yang membentang dari Segenting Kra hingga ke Tanah Melayu yang ada sekarang ini. Berdasarkan linguistik dan geolinguistik, kawasan ini adalah kawasan penyebaran bahasa Melayu dan penuturnya. Ucapan ini menceritakan dua kategori penghijrahan, melintasi sempadan Malaysia-Thailand. Kategori pertama adalah penghijrahan keluar Thailand, yang kedua penghijrahan masuk Thailand. Dalam kategori pertama ialah orang Melayu beragama Islam dan juga suku etnik Siam beragama Buddha; kedua-duanya atas pilihan sendiri menuju Kedah, menempati the Siamese Belt. Kategori kedua terdiri daripada orang Melayu yang dibawa oleh Kerajaan Siam ke Thailand, dan dikelompokkelompokkan mengikut kemahiran, seperti bertukang emas, menanam padi, membina terusan, dan sebagainya. Penghijrah kumpulan pertama sudah menjadi rakyat Malaysia; yang Melayu sudah berasimilasi dengan orang Melayu tempatan, sedangkan yang Siam tetap mempertahankan bahasa dan agama mereka. Kumpulan kedua sudah menjadi rakyat Thailand, dan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertama, tetapi tetap beragama Islam; bahasa Melayu hanya digunakan dalam konteks keagamaan. Tumpuan keseluruhan ucapan ini ialah kehidupan berjiranan ahli dua peradaban yang berbeza.

Kata kunci: Penghijrah, kawasan penyebaran, Siamese Belt, geolinguistik, peradaban

PENGENALAN

Saya mengambil kesempatan, sebelum memulakan ucapan ini, untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada pada pengelola seminar ini, Sutera 2023, iaitu Universiti Thaksin, ATMA UKM, dan Universiti Malaysia Perlis, atas kesudian mereka menjemput saya menyampaikan ucapan utama ini. Terima kasih.

Dalam ucapan ini saya menggunakan perkataan “Siam”, dan juga “Thailand”, kerana saya memberi tumpuan kepada hubungan Kedah dengan Siam, khususnya mulai zaman sebelum adanya nama Thailand. Sampai sekarang penduduk di kawasan yang saya sebut sebagai *Siamese Belt* di Kedah (yang akan saya terangkan nanti), yang terdiri daripada orang Siam atau Thai dan juga orang Melayu yang bercakap bahasa Siam, tetap menggunakan perkataan “Siam” untuk “Thailand”.

Hubungan Melayu-Siam yang saya maksudkan ialah hubungan yang berlaku di dua negara iaitu Malaysia dan Thailand. Ucapan saya ini terdiri daripada dua bahagian: Bahagian I yang memberi tumpuan kepada Tanah Melayu, khususnya Kedah, dan Bahagian II kepada Thailand.

BAHAGIAN I

Awal Mulanya Hubungan Tanah Melayu dengan Siam

Hubungan Siam dengan Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Kedah, sudah wujud sekian lama, bukan setakat ratusan tahun, mungkin ribuan tahun. Dalam cerita rakyat Kedah, biasanya terdapat cerita yang melibatkan hubungan orang Siam dengan orang Kedah. Sayang, cerita-cerita itu tidak dibukukan, kecuali *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM), yang menceritakan pembangunan Kedah Tua, kira-kira 5,000 tahun dahulu (3000 S.M.), suatu fakta yang sudah pun dibuktikan selari dengan sejarah purbakala Kedah, oleh pakar-pakar arkeologi, geomorfologi, geografi dan sejarah. (Asmah, dalam penerbitan). Dalam HMM juga terdapat naratif pertemuan awal orang Kedah dengan orang Siam dan juga bagaimana munculnya tradisi Kedah menghantar bunga mas bunga perak kepada Siam. (Asmah, 2023, hlm. 257-280).

Berdasarkan kajian arkeologi, dalam zaman Hoabinhian di Asia Tenggara (10,000 – 2000 S.M.), sudah ada manusia seberang menyeberang dari tanah yang sekarang dikenal sebagai Siam Selatan ke Tanah Melayu, dan sebaliknya. Zaman Hoabinhian adalah zaman manusia masih menjadi pemburu dan pengumpul (*hunter-gatherers*). Peter Bellwood, pakar arkeologi Asia Tenggara, termasuk Malaysia, mengkaji kawasan yang disebut ini bukan sahaja berdasarkan bahan peninggalan arkeologi, tetapi juga mengambil kira faktor linguistik dan biologi.

Saya tidak akan bercakap tentang peninggalan arkeologi, kerana saya hanya memperoleh naratifnya dari karya pakar-pakarnya. Tuan-tuan dan puan-puan juga boleh membaca karya-karya itu yang sudah banyak diterbitkan. Saya hanya akan memperkatakan faktor-faktor linguistik yang juga memberi petunjuk kepada faktor-faktor biologi, dan sebaliknya. Kedua-dua jenis faktor ini masih dapat kita saksikan dengan mata dan telinga sendiri.

Dari segi biologi, Bellwood mengemukakan pertanyaan tertentu mengenai wajah orang Melayu Semenanjung. Katanya kelihatan ada campuran raut wajah yang ada dalam suku-suku bangsa lain. Dan dia bertanya adakah kepelbagaian yang ada pada orang Melayu khusus berlaku di Semenanjung, atau adakah ini muncul dari hasil migrasi dari luar, misalnya dari Indonesia dan Thailand. Kepelbagaian yang ada pada raut wajah juga menggambarkan kepelbagaian bahasa dan budaya di Semenanjung. Lihat petikan di bawah ini:

How have the cultural, linguistic, and biological differences among the various indigenous populations of Peninsular Malaysia evolved? Are they the result of processes of cultural and biological differentiation totally internal to the peninsula? Or have successive migrations—either piecemeal or large-scale—from outside regions, such as Thailand and Indonesia, produced these differences? Perhaps more realistically, given the time-span involved, has there been a combination of both internal and external factors?

(Bellwood, 1993, hlm. 37)

Tidak dapat dinafikan ada tipologi raut muka orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, yang berbeza dengan tipologi orang Melayu di pulau-pulau lain. Orang Melayu di Sumatera dan Borneo pada amnya mempunyai satu tipe wajah, iaitu wajah Melayu, yang juga ada di Semenanjung. Dalam tahun 1958 dahulu, saya pertama kali menjejak kaki di tanah Indonesia, khususnya di Jakarta, bersama dengan empat orang yang lain, semuanya sebagai mahasiswa Fakultas Sastera, Universitas Indonesia. Bila kawan-kawan Indonesia melihat kami, mereka terpegun sebentar. Mereka bertanya adakah kami semua orang Melayu. Adanya raut wajah India, Arab, dan Cina, membuat mereka bertanya adakah kawan-kawan saya itu betul orang Melayu. Saya seorang sahaja yang bagi mereka orang Melayu, dan saya ada kelayakan menjadi orang Indonesia.

Faktor linguistik pada amnya boleh menentukan suku kaum sesuatu komuniti, yakni kalau muka Melayu, pasti bahasanya Melayu. Tetapi ini bukanlah hipotesis yang boleh diterapkan di Malaysia. Orang Melayu Malaysia yang mempunyai muka India, Cina, Arab dan Siam tidak faham mana-mana bahasa tempat asal suku kaum yang bercakap bahasa-bahasa itu. Keadaan adanya raut muka yang tidak perlu sama dengan faktor linguistik menunjukkan bahawa kahwin campur memang banyak berlaku di Malaysia, terutama sekali di tanah Semenanjung. Faktor ini disokong oleh adanya definisi “orang Melayu” yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia, yang berasaskan bahasa Melayu, cara hidup Melayu, dan agama Islam, bukan berdasarkan suku etnik.

Selanjutnya saya akan meneliti hubungan orang Melayu dengan orang Siam dari segi kawasan penyebaran serta bahasa dan budaya. Faktor kawasan penyebaran sesuatu suku kaum menggambarkan penyebaran bahasa dan budaya; dengan itu kawasan boleh merupakan bukti yang jelas dalam memperkatakan sejarah sesuatu bahasa.

Hubungan Kawasan Penyebaran

Kawasan penyebaran (*area of distribution*) sesuatu suku kaum bermakna kawasan geografi yang menunjukkan adanya orang-orang atau kelompok-kelompok yang bermastautin di situ dengan menjalankan berbagai-bagai aktiviti kehidupan. Dengan demikian, kawasan suku kaum bermakna kawasan penyebaran bahasa dan budaya mereka. Bagi pakar sejarah dan arkeologi, “*the Malay Peninsula*” atau Semenanjung Tanah Melayu, bermaksud kawasan yang membentang dari *Isthmus of Kra* (Segenting Kra) di sempadan Thailand-Burma sekarang, hingga ke Johor termasuk Singapura, yang disebut Hujung Tanah. Kawasan antara Segenting Kra dengan sempadan Thailand-Malaysia yang ada sekarang, dikenal sebagai *Neck of the Peninsula* (Leher Semenanjung). Di sinilah, dalam zaman sekarang, terdapat kesan-kesan penggunaan bahasa Melayu (dialek Kedah), sebagai bukti penyebaran dialek ini. (Asmah, 2019, Bab 3). Penyebaran bahasa menggambarkan tempat mastautin penutur bahasa tersebut. Ini bermakna bahawa sejak zaman silam orang Melayu sudah menempati Leher Semenanjung atau Thailand Selatan.

Zaman dahulu, tidak ada sempadan negeri, bahkan belum wujud jenis negeri atau negara yang berasaskan nasionalisme seperti sekarang. Orang bebas ke sana sini, bukan setakat berkunjung-kunjungan, bahkan boleh berpindah randah memilih kawasan tempat tinggal sesuka hati; tidak ada sebarang larangan. Kawalan sempadan negara yang ada sekarang ini boleh dikatakan baru bermula pada akhir abad ke-19, dan kawalan ini dilaksanakan dengan adanya surat pas atau surat kenyataan bagi kedua-dua belah pihak, yang dicadangkan oleh Sultan Abdul Hamid kepada Phya Wicham, Raja Senggora (nama lama Songkhla).

Cadangan berkenaan terdapat dalam surat Baginda Sultan, bertarikh 18 Zulkaedah 1308H (=1886M), membalas surat Phya Wicham berkenaan dengan sepasang kerbau balar kepunyaan orang Senggora yang dicuri dan dibawa ke Kedah. Dalam surat itu Sultan memberitahu bahawa kerbau-kerbau itu sudah ditahan oleh Penghulu Jusoh Mukim Kapelu. Pencuri tidak ada surat pas Senggora, dan ini menimbulkan masalah. Pada masa itu juga Kedah dan Senggora menghadapi bencana penyamun yang bebas bergerak sebarang menyebarkan sempadan, dan surat pas sangat diperlukan. (Asmah, 2013, hlm. 42-44).

Dari pengalaman saya semasa saya masih kecil, menjelang akhir tahun 1940an, perompak yang melangkah sempadan tetap bermaharajalela, menggunakan jalan tikus. Ketika itu saya tinggal bersama Tok dan Wan saya, tidak jauh dari sempadan. Ada kalanya, sebelah malam, kedengaran bunyi tentuang (serunai besar yang dibuat dari buluh) dari gerombolan penyamun menyatakan bahawa mereka datang hendak merompak, dan selesai merompak mereka melangkah sempadan ke utara. Mereka ini orang Melayu yang bercakap Siam, dan ada juga orang Melayu Kedah. Cara menggagalkan perompak menyerbu masuk serta merta ke dalam rumah, ialah membina pintu di lantai, atau yang dalam bahasa Inggeris dikenal sebagai *trap door*. Benda-benda berat boleh

diletak di atas pintu ini, sekurang-kurangnya melambatkan masuknya penyamun ke dalam rumah.

Penghijrahan Keluar Thailand

Dalam penghijrahan keluar Thailand terdapat dua jenis komuniti, yang berasal dari Siam, iaitu orang Melayu Islam yang lama sudah bermastautin di Siam, dan suku etnik Siam yang beragama Buddha. Kedua-dua golongan ini bermastautin di kawasan yang saya sebut *Siamese Belt*.

Kawasan *Siamese Belt* adalah rangkaian kawasan mastautin penduduk yang menggunakan bahasa Siam, di sebelah utara Kedah, selatan dari Perlis, bermula dari Kodiang di barat menuju ke timur ke arah Jitra meliputi utara Daerah Kubang Pasu, dan terus lagi ke timur, kemudian turun ke selatan memasuki Sik dan Baling. (Asmah 2017). Keadaan ini sudah pun wujud lama sebelum ini, dan disebut dalam surat-surat Sultan Abdul Hamid; antaranya ialah surat yang bertarikh 27 Zulhijjah 1308H yang dihantar kepada Raja Siam, memaklumkan bahawa Baginda telah membuat bancia Sami Siam di Kedah seperti yang diperintah oleh Raja Siam. (Asmah 2013, hlm. 109).

Naratif mengenai komuniti-komuniti penghijrah keluar Thailand adalah dari pengetahuan peribadi saya bergaul dengan mereka di Jitra, kampung asal saya. Dari kecil saya dikelilingi oleh orang Melayu yang asalnya dari Senggora, atau Songkhla. Mulai dari saat itu bahasa Siam masuk ke telinga saya seiring dengan bahasa Melayu, dan keadaan ini berterusan di rumah dan di sekolah Melayu Jitra, yang kebanyakan muridnya terdiri daripada anak-anak dari ibu bapa dan datuk nenek yang berasal dari Senggora. Keadaan dwibahasa Melayu-Siam yang masuk keluar telinga saya setiap hari berlaku hingga saya masuk sekolah Inggeris di Alor Setar pada umur lapan tahun. Keadaan dwibahasa tersebut menipis dan hilang sama sekali dari pendengaran saya, apabila saya dihantar belajar di Malay Girls' College, Kuala Lumpur; dwibahasa Melayu-Siam berganti dengan dwibahasa Melayu-Inggeris.

Orang Melayu yang bermigrasi dari Senggora ke Jitra tinggal di kampung di belakang bandar Jitra yang ada sekarang, tidak jauh dari rumah saya, dan kampung itu terkenal dengan nama Padang Tok Kesop. Kata "Padang" dalam dialek Kedah bermaksud sawah padi, dan kawasan ini luas terbentang, menunjukkan bahawa mereka ini bukanlah orang miskin. Mungkin sekali Tok Kesop adalah orang yang pertama sekali datang ke tempat itu dari Senggora.

Komuniti Padang Tok Kesop merupakan komuniti tersendiri, yakni semua ahlinya adalah keturunan Senggora. Kalau kebetulan ada orang Melayu lain dalam komuniti itu, pasti mereka orang yang berkahwin dengan Melayu Senggora. Tidak ada masalah, kerana sesama Islam, tetapi mula-mulanya mereka mengalami sedikit kesukaran disebabkan bahasa yang mereka dengar sepanjang hari ialah bahasa Siam. Lama kelamaan mereka sekurang-kurangnya faham bila orang di sekeliling menggunakan bahasa Siam. Anak-anak mereka dari kahwin campur tidak bercakap bahasa Siam, mungkin tidak digalakkan oleh emak atau ayah mereka.

Kampung berkenaan mempunyai Ketua yang dipilih antara mereka, dan dikenal dengan istilah Siam, "Nai Ban" (**nai** = ketua; **ban** – kampung. kawasan). Anak-anak mereka dihantar ke sekolah Melayu dan juga ke madrasah yang ada di Jitra, iaitu Madrasah An-Najah, yang dibangun dan diselenggarakan oleh ayah saya; dan emak saya mengajar kanak-kanak serta juga orang tua-tua, membaca Quran. (Lihat Asmah, 2022b, Bab 6, hlm. 227-239). Fakta inilah yang menjadikan keluarga kami kenal baik dengan komuniti tersebut. Sekarang sebahagian dari kampung itu sudah menjadi sebahagian daripada Pekan Jitra yang merupakan bandar utama Daerah Kubang Pasu. Masih ada ahli-ahli komuniti di situ, tetapi sebahagian besar sudah berpindah ke tempat lain. Di kampung-kampung lain dalam *Siamese Belt* juga terdapat penghijrah Melayu Islam yang jumlahnya jauh lebih besar daripada di Jitra. Mereka ini dikenal juga sebagai "Samsam". (Mohd. Yusof Hasan, 2006). Tetapi panggilan ini tidak pernah digunakan di Jitra.

Suku etnik Siam di Jitra membuka kedai runcit dan bengkel memperbaiki kereta dan motosikal rosak, dan menjalankan berbagai-bagai jenis perniagaan. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah Cina, Jitra. Ini membawa kepada kahwin campur antara mereka dengan orang Cina. Mereka bergaul baik dengan orang Melayu tempatan dan fasih bercakap dalam dialek Kedah. Di Jitra juga ada tempat persembahan agama Buddha, yang dikenal sebagai Wat Siam. Tetapi Wat Siam di *Siamese Belt* yang terbesar terdapat di Padang Perahu, dan yang tertua di Kuala Nerang; Dalam tahun 1960an, orang Samsam dan juga suku etnik Siam sudah bercakap bahasa Melayu standard dengan baik, terutama sekali apabila semua anak mereka sudah bersekolah, dan ada yang lulus universiti dan memegang jawatan kerajaan dan menjadi ahli politik. Walaupun demikian, bahasa Siam masih digunakan sebagai bahasa keluarga. Pertuturan bahasa Melayu mereka sehari-hari boleh digolongkan sebagai kelainan atau variasi tersendiri, yakni dialek Kedah yang menyebut konsonan tertentu seperti sebutan konsonan bahasa Siam, dan juga intonasi bahasa Siam. Orang Kedah menyebut jenis bahasa Melayu dengan telor Siam ini “pelet Siam”. Sekarang ini pelet Siam tidaklah ketara seperti dahulu, dan ahli-ahli komuniti Samsam sudah menjadi Melayu sejati, tidak lagi bercakap bahasa Siam. Boleh dikatakan bahasa Siam di kalangan mereka hampir lupus, bahkan di Jitra boleh dikatakan sudah tidak ada lagi, kecuali bahasa Siam yang digunakan oleh suku etnik Siam.

Bahasa Siam Sebagai Bahasa Tinggi di Kedah

Pada zaman sebelum Kedah menjadi anggota persatuan negeri-negeri Melayu, yang dikenal sebagai *the Unfederated Malay States* (1909), bahasa Siam juga digunakan oleh golongan ketiga. Mereka ini orang Melayu jati yang bercakap bahasa Melayu dialek Kedah sebagai bahasa pertama, dan bahasa Siam sebagai bahasa kedua.

Penggunaan bahasa Siam oleh golongan ketiga ini bermula dari keadaan sosio-politik yang mewujudkan pengaruh Siam ke atas Kedah dalam pemerintahannya. Sultan-sultan serta anak-anak raja Kedah, sebelum kedatangan pengaruh British, mendapat pendidikan di Bangkok di sekolah khusus yang disediakan untuk keluarga diraja Siam, seperti yang diceritakan dalam *Surat-Surat Sultan Abdul Hamid*. Mereka itu seolah-olah menjadi anak angkat Raja Siam. Perjanjian Inggeris-Siam (*Anglo-Siamse Treaty*) tahun 1909 menamatkan kuasa Siam ke atas Kedah. Ini bermakna tamatlah tradisi menghantar anak-anak Raja Kedah belajar di Bangkok bersama dengan anak-anak Raja Siam.

Dari keadaan sosio-politik Kedah di bawah pengaruh Siam, golongan ketiga yang bercakap bahasa Siam bukan sahaja Sultan yang memerintah dan keluarga diraja. Dalam golongan ini terdapat juga mereka yang berkhidmat di bawah Sultan seperti Menteri, dan wakil Sultan (atau gabenor) dalam mentadbir daerah tertentu, serta juga penghulu-penghulu kampung. Bahasa Siam juga digunakan oleh kaum keluarga mereka.

Surat-surat Sultan Abdul Hamid (yang memerintah Kedah dari tahun 1881 hingga 1943), kepada Raja Siam dan pembesar-pembesar Siam termasuk gabenor-gabenor di kawasan yang berada di bawah pemerintahan Siam seperti Ligor dan Songkhla, di tulis dalam dua bahasa, iaitu bahasa Siam dan bahasa Melayu. (Asmah, 2013 dan 2014). Kedua-dua versi surat dihantar kepada yang ditujunya, termasuk Raja Maha Besar Siam. Pada penghujung tiap-tiap surat, ditulis ayat penutup yang berbunyi: “Surat ini boleh tulis huruf Melayu sepucuk, Siam sepucuk. Buku perkataan sama jua. Hal inilah Perhamba boleh maklum.” (Asmah 2013, hlm. 25). Yang dimaksudkan dengan huruf Melayu ialah tulisan Jawi. Ini bermakna orang Kedah dalam zaman itu, ada yang boleh menulis huruf Jawi dan huruf Siam.

Bukti Bahasa Siam pada Nama Tempat di Kedah

Siamese Belt di Kedah mempunyai serentetan nama tempat yang diambil dari bahasa Siam. Dari Jitra ke utara, yakni menuju ke sempadan Malaysia-Thailand terdapat nama-nama ini: Jitra, Asun, Hosba, Naka, Canglun, dan banyak lagi. Di sebelah barat Jitra terdapat Kodiang dan Kapelu. Kalau saya tidak silap, di Songkhla ada tempat dengan nama Kodeng, yang berkognat dengan Kodiang, dengan makna “bukit merah”. Ini menunjukkan kebiasaan komuniti yang berpindah ke tempat baharu menamakan tempat baharunya dengan nama tempat yang ditinggalkan. Dan buktinya boleh kita lihat di Amerika Syarikat, Australia dan Canada yang seolah-olah membuat kita, apabila berada di sana, sangka kita berada di Britain.

Di antara nama-nama tempat di *Siamese Belt* ada yang mempunyai legenda tersendiri, nama Canglun dengan cerita gajah jatuh parit. Nama Jitra yang maknanya, menurut kawan-kawan saya di Jitra, ialah “berhenti sekejap”. Nama ini merujuk kepada peristiwa perkahwinan Putera Raja Siam dengan Puteri Gunung Jerai. Puteri tersebut dikatakan sangat cantik, tetapi menolak semua peminangan, sehingga datangnya peminangan Putera Raja Siam. Dia dibawa terbang oleh suaminya ke Siam dari puncak Gunung Jerai. Oleh sebab jarak antara Gunung Jerai dengan Siam jauh, mereka terpaksa mendarat sekejap di tempat yang sekarang ini dikenal sebagai Jitra.

Siam atau Thailand sekarang menggunakan nama Saiburi sebagai nama Kedah. Bahkan nama ini digunakan oleh orang Kedah sebelum Malaya merdeka. Nama Saiburi digunakan dalam nama persatuan pergerakan kebangsaan orang Melayu di Kedah, yang telah diwujudkan dalam tahun 1943, iaitu Syarikat Bekerjasama Awam Saiburi, diringkas sebagai Saberkas. (Asmah, 2022, hlm. 132, 226). Bagaimana dan dari manakah datang kata “Saiburi”? inilah yang menjadi pertanyaan saya sekian lama. Guru-guru bahasa Thai di Fakulti Bahasa dan Linguistik (UM) tidak dapat menolong.

Saya telah jumpa sendiri etimologi “Saiburi”, apabila dalam tahun 2012 saya dibri oleh Jabatan Warisan Kedah, *Koleksi Surat-Surat Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943)* yang sudah diisytiharkan oleh UNESCO sebagai Warisan Dunia. Untuk membalas budi Jabatan Warisan, saya telah mengkaji surat-surat itu dari tarikh paling awal 1881 hingga ke tahun 1905. Dalam surat-surat antara Siam dengan Kedah tidak muncul langsung perkataan “Kedah”; yang ada hanya nama “Ceraiburi”. Nama Melayu “Kedah” digunakan dalam surat menyurat Sultan dengan rakyatnya, serta juga dengan pegawai Inggeris Pulau Pinang dan Raja-Raja Melayu.

Saya berpendapat bahawa unsur “cerai” dalam kata “Ceraiburi” adalah sebutan pelet Siam bagi kata “Jerai”, yang dalam bahasa Melayu merujuk kepada sejenis pokok. Dan “buri” pula mempunyai asal usulnya dalam bahasa Sanskrit. Gonda dalam bukunya *Sanskrit in Indonesia* memberi kata *pura*, bermakna “bandar”, seperti dalam kata “Singapura”. (Gonda, 1952, hlm. 196). Kamus Sanskrit Macdonell (1958) menyenaraikan dua perkataan, iaitu *pura* (bermakna *castle, fortified city*), dan *puri* (*citadel, city, town*). Dalam bahasa Melayu, unsur Sanskrit ini terdapat dalam bentuk *puri* dalam kata “Angkasapuri”. Dan jika boleh diterima bahawa “Cerai” adalah sebutan pelet Siam untuk “Jerai”, maka bolehlah kita kaitkan nama Cerai dengan Gunung Jerai, dan “buri” dengan *puri*. Kita boleh rekonstruksi bentuk paling awal kata tersebut sebagai ***Jeraipuri**, yang dalam sebutannya oleh orang Siam ialah “Ceraiburi”. Nama ini boleh dikaitkan dengan cerita Puteri Gunung Jerai yang diambil oleh Putera Raja Siam sebagai isteri. Walau apa pun tafsirannya nama ini merupakan bukti bahawa orang Siam sudah lama kenal negeri Kedah, dan mengambil gunung yang paling tinggi di Kedah sebagai ikon negeri ini, dengan memberi nama Ceraiburi. Kata **Saiburi** adalah singkatan **Ceraiburi**, dengan sedikit perubahan sebutan.

BAHAGIAN II

Penghijrahan Masuk Thailand

Di Thailand sekarang terdapat komuniti-komuniti Melayu yang tersebar di Thailand Selatan dan juga di sebelah utara, khususnya di kawasan-kawasan yang tidak jauh dari Bangkok, dan juga di Ayuthaya. Huraian tentang komuniti-komuniti ini, kecuali di Ayuthaya, boleh dibaca dalam buku saya, *Bahasa Melayu di Daratan Asia Tenggara* (2019, khususnya Bab 3). Komuniti yang berada di Thailand Selatan boleh dikatakan jauh lebih lama berada di tempat mereka sekarang berbanding dengan yang bermastautin di sebelah utara.

Seperti yang sudah disebut dalam Bahagian I ucapan ini, kawasan Thailand Selatan sudah dari awal sejarah merupakan kawasan penyebaran bahasa Melayu, dengan penutur bahasa Melayu sebagai penduduknya. Komuniti-komuniti etnik Melayu di Thailand Utara mula berada di tempat mereka sekarang kira-kira 200 tahun dahulu; demikian juga satu dua komuniti di kawasan selatan. Mereka dibawa oleh kerajaan Siam ketika Kedah berada di bawah kuasa Siam pada awal abad ke-19. Tujuan membawa mereka ke Siam ialah untuk membina usaha-usaha tertentu, seperti menggali terusan, menanam padi, membangun pertukangan emas, dan sebagainya. (Ibid.).

Situasi Bahasa dan Budaya Melayu

Dari sempadan Malaysia-Thailand, jika kita naik kereta menuju utara ikut arah Ligor sampai ke Segenting Kra (yang sudah berempadan dengan Myanmar), kita tentu berjumpa dengan kampung-kampung Melayu. Demikian juga halnya apabila kita patah balik ke arah selatan ikut jalan sebelah barat, hingga ke Hat Yai dan terus ke Satun, hingga ke Bukit Kayu Hitam. Semua mereka, kalau masih bercakap bahasa Melayu, bercakap loghat Kedah. Hampir semuanya mempunyai sejarah berasal dari Kedah; yang lain itu dari Patani.

Saya kata “kalau masih bercakap bahasa Melayu”. Maksud saya ada di antara mereka, terutamanya sekali dalam generasi yang lebih muda, yang sudah tidak dapat bercakap atau faham bahasa Melayu. Gambaran yang diperoleh dari maklumat seperti ini ialah masyarakat Melayu di Thailand sudah melalui peringkat yang disebut dalam sosiolinguistik sebagai *language shift*. Ini bermakna bahawa dalam penggunaan bahasa, mereka sudah meninggalkan bahasa yang digunakan dari zaman nenek moyang dan menggantikannya dengan bahasa lain, seperti halnya yang sudah berlaku dalam komuniti orang Melayu Padang Tok Kesop, yang menggantikan bahasa Siam dengan bahasa Melayu. Wujudnya peralihan kod bahasa ini, didorong oleh keadaan sosio-politik. Sebagai warga negara Thailand mereka mestilah mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan negara mereka. Seperti kata seorang pengusaha filem yang terkenal di Bangkok yang keluarganya mempunyai madrasah, dalam perbualan dengan saya,

I am a Malay which is my ethnic origin, a Muslim based on my religious belief, and a Thai citizen and so my language is Thai.

Kita boleh ambil kata-katanya itu sebagai definisi “orang Melayu Thailand”. Jelas mereka adalah *ethnic Malays*, bukan *ethnolinguistic Malays* seperti orang Melayu Malaysia. Unsur penting dalam definisi ini ialah keturunan dan agama Islam. Ini bermakna bahawa dari segi budaya hidup, yakni dari segi sistem kepercayaan dan adat resam, mereka sama dengan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, bahasa Melayu masih diperlukan dan diwajibkan penggunaannya dalam satu konteks khusus, iaitu dalam akad nikah. Saya berkesempatan menyaksikan pernikahan di Ban Pon, sebuah kampung di Pattumani, yang akad nikahnya dijalankan dalam bahasa Melayu. Dalam perbualan saya dengan pengantin baharu itu, saya bertanya adakah mereka faham kata-

kata dalam akad nikah yang disampaikan dalam bahasa Melayu, kedua-duanya mengangguk. Pengantin laki-laki, seorang guru yang mengajar komputer, boleh bercakap bahasa Inggeris, tetapi isterinya tidak faham baik bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Kesimpulan saya ialah mereka sudah dijelaskan oleh Qadhi makna kandungan ucapan dalam akad nikah itu sebelum upacara berkenaan dijalankan. Di Hat Yai saya kebetulan berjumpa dengan Timbalan Mufti di situ. Dia menjelaskan bahawa peraturan menggunakan bahasa Melayu dalam akad nikah berlaku bagi semua orang Melayu di Thailand. Jika digunakan bahasa yang lain daripada bahasa Melayu, pernikahan itu tidak sah.

Di Thailand Utara dan Selatan, terdapat banyak madrasah yang merupakan “institusi pendidikan tambahan” bagi orang-orang Islam, di samping pendidikan sekolah arus perdana yang diwajibkan, yang menggunakan bahasa Thai. Pendidikan madrasah memberi panduan dalam kehidupan sebagai orang Islam, menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Madrasah di Thailand boleh dikatakan cukup maju, dan usaha mandiri dan menegakkan pendidikan Islam adalah hasil penat lelah orang Melayu tempatan. Adanya bahasa Melayu dalam kurikulum madrasah memberi peluang kepada para murid mengenal semula bahasa asal suku kaum mereka yang hampir hilang dari sejarah mereka. (Asmah 2019, Bab 3). Saya ikut serta menghadiri pengajaran di dua madrasah, di utara dan di selatan. Saya dapati mereka menggunakan kitab-kitab agama dari Tanah Melayu, dalam tulisan Jawi, termasuk *Kitab Perukunan* yang saya gunakan ketika saya masih kanak-kanak. Kitab-kitab itu dicetak semula dengan format yang lebih cantik daripada yang asal.

Kaedah mengajar di madrasah-madrasah itu ialah guru membaca kitab dalam bahasa Melayu, dan menerangkan maknanya dalam bahasa Thai. Mereka tidak terus mengajar dalam bahasa Thai. Ini disebabkan lebih mudah bagi mereka menerangkan rukun-rukun dalam Islam dengan menggunakan bahasa Melayu daripada menggunakan bahasa Thai. Sememangnya konsep-konsep dalam agama Islam tidak ada dalam bahasa Thai, dan jika sesuatu konsep itu tidak ada dalam bahasa tertentu, maka sukarlah kita menerangkan konsep itu dalam bahasa berkenaan. Dalam teori Bernstein mengenai *elaborated code* dan *restricted code*, bolehlah dikatakan bahawa dalam merujuk kepada agama Islam, bahasa Melayu sudah mempunyai *elaborated code*, sedangkan kod dalam bahasa Thai mengenai perkara yang sama ialah *restricted code*. Untuk pengertian *elaborated* dan *restricted code*, lihat Bernstein, 1969; Bernstein 1971).

Geolinguistik Melayu-Siam/Thai

Kawasan yang ditempati oleh orang Melayu dari utara Semenanjung Tanah Melayu hingga ke Segenting Kra terdapat dalam satu kesinambungan (Asmah 2019, hlm.21). Maknanya ialah kawasan ini tidak terputus-putus. Gambarnya berbeza bagi kawasan sebelah utara Segenting Kra menuju ke arah Bangkok dan Ayuthaya, yang kawasan pertempatan Melayunya terputus-putus, yakni ada selaan dengan kawasan suku kaum lain. Dalam teori linguistik sejarah, kawasan sambung menyambung menunjukkan bahawa kawasan tersebut memang berada di tempat asalnya, sedangkan kawasan yang terputus-putus menunjukkan bahawa kawasan itu adalah hasil migrasi dari luar. Migrasi biasanya berlaku secara berkelompok-kelompok, dan dengan itu tidak dapat menghasilkan kesinambungan seperti kawasan asal. (Asmah, 2022a). Tafsiran sejarah geolinguistik ini menunjukkan adanya dua jenis geolinguistik Melayu di Thailand, iaitu kawasan asal yang letaknya di “Leher Semenanjung”, dan kawasan pindahan yang tersebar di sebelah timur laut Segenting Kra.

Di Leher Semenanjung terdapat nama-nama tempat bahasa Melayu. Antaranya ialah Satun (buah/pokok “setoi” atau “setul”), Phuket (bukit), Ligor (gelugur), Ranong (Rundong – nama dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, karya Muhammad Hassan), dan Tammalang (tambak helang). Kata “Kra” dalam Segenting Kra dan “Krabi” memang merujuk kepada haiwan kera. Nama pulau-pulau di sebelah barat kawasan ini hingga ke sempadan Burma hampir semuanya

mempunyai nama Melayu. Misalnya, dalam nama Pulau Lipe' di luar pantai Satun, kata "Lipe' " tidak lain dari "leper".

Adanya orang-orang Melayu Samsam, yang dikatakan berpindah dari Siam, bukanlah orang asing sama sekali, kerana mereka sebenarnya pergi ke pertempatan yang berasal dari kawasan besar yang juga meliputi kawasan kediaman mereka sebelum mereka berhijrah ke Kedah. Orang-orang Siam yang ada di Kedah mula bertapak di Semenanjung, didorong oleh lalu lintas tanpa penghalang, dan pengaliran mereka dari utara ke selatan makin bertambah dengan adanya hubungan orang-orang Thailand dengan orang Kedah hingga sekarang.

KESIMPULAN: GABUNGAN FAKTA BAHAGIAN I DAN BAHAGIAN II

Kawasan Leher Semenanjung merupakan kawasan penyebaran orang Melayu yang membentang ke selatan ke Tanah Melayu, dan dari situ timbul peradaban (*civilization*), yang akhirnya merupakan peradaban Melayu-Islam. Arnold Toynbee mendefinisikan *civilization* sebagai "a specific human society". Kata *specific* menunjukkan bahawa peradaban bukanlah sebarang masyarakat manusia, tetapi ada aspek-aspek khusus yang terdiri dari peraturan dalam kehidupan mereka. Aspek-aspek ini memberi identiti kepada sesuatu peradaban berbanding dengan peradaban yang lain, seperti adanya peradaban Islam, peradaban Buddha, peradaban Kristian, dan sebagainya. Menurut Toynbee lagi, masyarakat yang dikenal sebagai peradaban merupakan hasil usaha manusia terus menerus memperbaiki cara hidup mereka yang primitif yang mereka lalui sejak ratusan ribu tahun sebelum itu. (Toynbee, 1957, hlm. 8 – 10).

Dengan berpandukan penjelasan Toynbee mengenai wujudnya satu-satu peradaban, maka bolehlah dikatakan sudah ada peradaban Melayu ribuan tahun dahulu yang membentang dari Segenting Kra hingga ke Semenanjung Tanah Melayu. Ahli-ahlinya yang bertutur bahasa Melayu telah melalui berbagai-bagai pengaruh dari luar yang melibatkan sistem kepercayaan dan budaya hidup. Dengan datangnya agama Islam, mereka berpegang kepada sistem kepercayaan agama ini, meninggalkan agama yang terdahulu, dan mempertahankan bahasa Melayu. Maka wujudlah peradaban Melayu-Islam. Dan peradaban jiran mereka pula ialah peradaban Thai-Buddha.

Tidak dapat diragukan lagi bahawa hubungan orang Melayu dengan orang Siam telah berlaku begitu lama, dengan tidak putus-putus dalam kerangka peradaban yang berbeza satu sama lain, hingga ke zaman sekarang. Hubungan ini juga telah menghasilkan keturunan kacukan Melayu-Siam di kedua-dua negara, Malaysia dan Thailand. Sudah ada pun jawapan kepada pertanyaan Profesor Bellwood yang saya trurunkan pada awal ucapan ini,

Saya sudahi ucapan ini dengan menyampaikan ucapan tahniah kepada para pengelola yang mewakili tiga universiti, iaitu Universiti Thaksin, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Malaysia Perlis, atas usaha mengadakan seminar ini. Akhir sekali saya ucapkan Selamat Ulang tahun Setengah Abad kepada ATMA; semoga ATMA terus berjaya hingga ke setengah abad lagi. Terima kasih.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 2013. *Surat-Surat Sultan Abdul Hamid: Gambaran Penggunaan Bahasa dan Masyarakat Kedah Akhir Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 2014. Discourse Through Letters: A Social-Functional Approach. In *Middle-East Journal of Scientific Research 20 (Language for Communication and Learning)*: 128 – 135, 2014.
- Asmah Haji Omar. 2017. *Language Situation in a Malay State in Late 19th century*. *Journal of Malaysian Languages and Linguistics*, Vol (6) 1, 2017, pp. 36-46.

- Asmah Haji Omar. 2019. *Bahasa Melayu di Daratan Asia Tenggara: Pendektan Sejarah dan Geolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2022a. *Linguistik Sejarah: Pertumbuhan, Perkembangan dan Penyebaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2022b. *Merintis Jalan ke Nusantara: Kisah Bahasa dan Budaya Dua Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2023. *Narratives of Malaysian Indigenous Peoples: A Historical Linguistic Study*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (dalam penerbitan). *Hikayat Merong Mahawangsa: Interpretasi Teks dan Nilai Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwood, Peter. 1993. Cultural and Biological Differentiation in Peninsular Malaysia. *Asian Perspectives*, Vol. 32, no. 1, C 1993. Honolulu: University of Hawaii Press, hlm. 37 – 64.
- Bernstein, B. 1971. *Class, Codes and Control, Volume 1*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Gonda, J. 1952. *Sanskrit in Indonesia*. Nagpur: The International Academy of Indian Culture.
- Macdonell, Arthur Anthony. 1958. *A Practical Sanskrit Dictionary*. London: Oxrord University Press.
- Mitchell, Don. 2000. *Cultural Geography: A Critical Introduction*. Oxford UK: Blackwell Publishers.
- Mohd. Yusof Hasan. 2005. Dilema Melayu Samsam: Persepsi Antara Kelompok Minoriti Melayu Bertuturan Thai di Daerah Kubang Pasu Dengan Masyarakat Melayu Arus Perdana. Dalam Asmah Haji Omar (ed.), *Sama Serumpun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 83-92.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sultan Abdul Hamid College Centenary 1908-2008: Glorious Past, Solid Present, Bold Future*. SAHOCA: Kuala Lumpur & Selangor.
- Toynbee, Arnold J. 1957. *Civilization on Trial*. London: Oxford University Press.